



## FAQ

### **SISTEM CARIAN HARTA TANAH BELUM TERJUAL UPESM 2.0 (UNSOLD PROPERTY ENQUIRY SYSTEM MALAYSIA)**

- 1. Kenapa apabila daftar di UPESM 2.0 tiada emel yang diterima untuk pengesahan pendaftaran?**

Perlu pastikan alamat yang dimasukkan betul/tepat semasa pendaftaran dan digalakkan menggunakan emel selain daripada Yahoo. Apabila berjaya didaftarkan satu emel akan dihantar ke alamat emel yang telah dimasukkan semasa pendaftaran. Anda perlu klik pautan yang telah dihantar supaya ID anda dapat diaktifkan di UPESM 2.0.

Sekiranya emel yang dimasukkan betul tetapi masih juga tidak menerima emel untuk membuat pengesahan anda perlulah log masalah tersebut kepada [napicsupport@jpph.gov.my](mailto:napicsupport@jpph.gov.my).

- 2. Bagaimana pula sekiranya saya telah klik pautan pengesahan yang diterima di emel tetapi masih lagi ID tidak dapat diaktifkan?**

Anda perlu semak terlebih dahulu adalah pautan tersebut untuk pertama kali login atau pun pautan lupa katalaluan yang di klik. Sekiranya betul apabila disemak dan masih tidak dapat diaktifkan, anda perlu log masalah ini kepada alamat emel [napicsupport@jpph.gov.my](mailto:napicsupport@jpph.gov.my).

- 3. Bolehkah sekiranya ID belum diakifkan tetapi saya klik lupa katalaluan?**

Tidak boleh. Proses pengaktifan perlu dilaksanakan terlebih dahulu.

- 4. Kenapa masih tidak boleh akses sistem UPESM selepas pendaftaran UPESM dan pengesahan emel telah berjaya dilaksanakan?**

Sebelum pendaftaran pengguna perlu pastikan url yang digunakan adalah betul iaitu **<https://www.jp-ph.gov.my/upesm/login.php>**. Sekiranya pengguna menggunakan url **<https://jp-ph-backend.jp-ph.gov.my/rpa/login>**, ini adalah untuk akses semakan harga rumah untuk penjawat awam sahaja.